



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY

HEBAHAN AWAM

OPERASI PEJABAT DAN KAUNTER APAD DI CAWANGAN JPJ KOTA SETAR DAN JPJ LANGKAWI DITUTUP SEHINGGA 1 JUN 2021

KUALA LUMPUR, 19 MEI 2021 - Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin menarik perhatian semua pihak mengenai penutupan sementara operasi Pejabat dan kaunter APAD di JPJ Kota Setar dan JPJ Langkawi, Kedah sehingga 1 Jun 2021 (Selasa) berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan kawalan penularan wabak COVID-19 di premis terlibat.

Dengan penutupan ini, semua urusan di kaunter APAD yang terlibat tidak akan dilaksanakan. Para pelanggan yang mempunyai urusan berkaitan APAD disarankan untuk ke cawangan APAD yang berhampiran iaitu cawangan JPJ Seberang Jaya dan Pejabat APAD Wilayah Utara di One Precint, Pulau Pinang.

Pihak APAD memohon kerjasama semua pihak agar mengambil maklum dan pihak pengurusan APAD memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku. Sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
Kementerian Pengangkutan Malaysia